

Tahun Baru, Azam Baru – Rancang Kewangan Untuk Ketenangan

Tahun 2016 baru sahaja melabuhkan tirai dan 2017 datang dengan penuh cabaran. Adakah anda bersedia dari segi kewangan? Dengan keadaan ekonomi global yang tidak menentu, kejatuhan nilai matawang, kenaikan kos sara hidup, di samping kadar pengangguran yang meningkat, tahun 2017 tidak menjanjikan sesuatu yang mudah.

Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) menjangkakan seramai 50,000 pekerja bakal kehilangan pekerjaan pada tahun 2017 dengan sektor kewangan dan insurans menerima kesan yang paling ketara. Adakah anda salah seorang dari jangkakan statistik di atas? Jika “ya”, bersediakah anda untuk mengharungi kehidupan tanpa punca pendapatan. Cukupkah simpanan kecemasan anda untuk sekurang-kurangnya bertahan selama tiga ke enam bulan sementara mendapat pekerjaan baru?

Jika tiada persediaan dan perancangan kewangan dari awal, anda mungkin panik dan tertekan jika tiba-tiba diberhentikan kerja. Dengan mulut anak-anak yang perlu disuap, ansuran kereta dan rumah yang perlu dibayar, bil-bil utiliti dan segala macam perbelanjaan lagi, hilang punca pendapatan boleh memberi tekanan yang hebat kepada seseorang ketua keluarga. Jika tidak ditangani dengan baik dan cermat, ia boleh membawa kepada permasalahan lain yang lebih besar seperti keruntuhan rumahtangga dan sebagainya.

Di sinilah pentingnya kita menabung untuk tujuan kecemasan dan juga persediaan bagi menghadapi keadaan di luar dugaan. Bagi mereka yang menerima bonus tahunan daripada majikan masing-masing, berhematlah dalam berbelanja dan simpanlah sebahagian daripada bonus tersebut sebagai tabungan kecemasan. Kenal pasti antara keperluan dan kehendak supaya kita tidak berbelanja keterlaluan semata-mata ingin memenuhi keinginan. Lengkapkan diri anda dengan ilmu pengurusan kewangan dan amalkanlah ilmu tersebut sebaik-baiknya bagi kesejahteraan kewangan anda.

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit ataupun lebih dikenali sebagai **AKPK** merupakan satu agensi yang ditubuhkan oleh **Bank Negara Malaysia** pada tahun 2006 dan visi kami supaya rakyat Malaysia ***mengamalkan pengurusan kewangan berhemat sebagai budaya hidup***. Salah satu daripada perkhidmatan

AKPK adalah pendidikan kewangan di mana kami mengalu-alukan sesiapa sahaja untuk datang ke pejabat kami dan bertemu dengan kaunselor kredit kami untuk mendapatkan khidmat nasihat kewangan dan kredit.

Bagi mereka yang dikenalpasti mempunyai hutang-hutang di luar kawalan, kami juga menawarkan program penstrukturan semula pinjaman yang kami namakan sebagai **Program Pengurusan Kredit**. Semua perkhidmatan kami adalah percuma dan kami tidak pernah melantik agen atau pihak ketiga untuk berurusan dengan kami. Untuk maklumat lanjut sila hubungi kami di talian **03-2616 7766** atau layari laman web kami di www.akpk.org.my. Sila daftarkan diri anda secara atas talian di laman web kami dan buat tempahan temujanji bagi menjamin kelancaran sesi kaunseling tersebut.

Terima kasih.

Jabatan Komunikasi Korporat
Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit